

# Mahathir paling popular di kalangan peserta sidang

DENPASAR 5 Mac — Sejak persidangan negara - negara ASEAN dan ekonomi dunia bermula Ahad lalu, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad adalah Perdana Menteri yang paling popular di kalangan peserta - peserta.

Mereka bercakap mengenai Dato' Sri Dr. Mahathir sepanjang masa dan di mana-mana sahaja sama ada di pusat persidangan ataupun di lobi hotel.

Populariti Dato' Sri Dr. Mahathir sebenarnya semakin terserlah selepas beliau menyampaikan ucapan dasarnya yang dengan lantang mengkritik blok perdagangan Eropah dan Amerika petang semalam.

Dalam perjalanan pulang ke hotel dari pusat persidangan, seorang peserta dari Filipina memberitahu, Dato' Sri Dr. Mahathir bukan sahaja terkenal di sini malah berita mengenainya dan kejayaan Malaysia sentiasa terpampang dalam akhbar - akhbar Filipina.

Peserta itu, Encik Jose C. Benedicto yang menjelaskan urusan perniagaan di kawasan perdagangan terkenal Manila iaitu daerah Makati berkata beliau tidak akan datang ke persidangan ini jika tidak kerana Dato' Sri Dr. Mahathir akan berucap.

Sambil memuji keberanian Dato' Sri Dr. Mahathir mengkritik barat beliau berkata, tidak ada pemimpin ASEAN atau mana-mana negara Asia yang lain yang berani berbuat demikian.

"Sebab itulah beliau terkenal di negara kami dan kejayaannya kini menjadi ikutan dan aspirasi kepada masyarakat kami.

"Saudara bayangkan sajalah, generasi saya buta terhadap sejarah jiran - jiran tetangga kami tetapi kini dengan saudara memiliki seorang Perdana Menteri yang dinamik, anak-anak saya di sekolah sudah mula mempelajari sejarah Malaysia dan mereka pula mengenali siapa itu Dr. Mahathir," ujarnya.

Seorang editor kanan sebuah akhbar terkemuka di salah sebuah negara ASEAN juga melahirkan kekaguman yang sama terhadap Dato' Sri Dr. Mahathir.

Katanya, beliau kagum dengan kebolehan Perdana Menteri menjawab soalan para peserta persidangan secara bersahaja.

"Tidak semua pemimpin boleh menerima tekanan yang seperti itu tetapi Perdana Menteri awak boleh... saya menyaksikannya semalam... amatlah mengagumkan," katanya.

Di kalangan peserta - peserta Indonesia sendiri inilah julung - julung kalinya mereka melihat Dato' Sri Dr. Mahathir melayani pertanyaan - pertanyaan yang sensitif dengan bersahaja.

Contohnya kata salah seorang daripada mereka ialah ketika Dato' Sri Dr. Mahathir menjawab soalan daripada seorang peserta Amerika yang bertanya apakah Malaysia bimbang dengan kehadiran Amerika sebagai satu kuasa unggul ketenteraan selepas meraih kemenangan di Teluk.

"Saya merasa kagum apabila Dr. Mahathir menjawab... "Apakah saudara mahu saya menangis hanya kerana itu..." kata Bapak Harris dari sebuah syarikat pelaburan yang beribu pejabat di Jakarta.

Dato' Sri Dr. Mahathir juga berjaya mencuit hati para peserta apabila beliau menjawab soalan mengenai perkembangan golongan fundamental Islam di Malaysia.

Katanya: "Apakah saudara merujuk kepada saya... kerana saya juga seorang fundamental Islam berdasarkan pengertian saya oleh itu tidak timbul soal siapakah dia fundamental Islam di Malaysia kerana semua orang Islam di Malaysia adalah seorang fundamental termasuklah saya sendiri jika saya mahu mengistilahkan diri saya begitu."